

KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN MEI 2022

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	25.05.2022	SPRM Dedah Berlaku Rasuah – Babitkan Perolehan Perkhidmatan Perolehan	2
2.	25.05.2022	Enam Kontraktor Guna Dokumen Palsu Didenda RM50,000 Seorang	3
3.	27.05.2022	Tiada Perlakuan Rasuah – SPRM –Dakwaan Penyelewengan Perolehan Perkhidmatan Kesihatan	4
4.	28.05.2022	SPRM Masih Siasat Elemen Rasuah Perolehan Kesihatan	5
5.	28.05.2022	'Ulat Jenazah': Dua Pembantu Kesihatan Direman	6
6.	28.05.2022	Kontraktor Terima 'Balasan' Lebih Rendah	7
7.	30.05.2022	Projek MRT, LRT Disiasat?	8
8.	30.05.2022	RM54J Satu Projek – CEO, Pengurusan Tertinggi Disyaki Dapat Habuan Daripada Projek KVMRT	
9.	31.05.2022	Pengarah Syarikat Didakwa Tipu RM7.3 Juta	9

Utusan Malaysia | 25 May 2022 | Page 1,7

**SPRM
dedah wujud
penyelewengan
perolehan
perkhidmatan
kesihatan »7**



Babitkan perolehan perkhidmatan kesihatan

SPRM dedah berlaku rasuah

Oleh **MOHD. HUSNI
MOHD. NOOR**
utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendedahkan wujudnya aktiviti rasuah membabitkan perolehan perkhidmatan kesihatan.

Ketua Pesuruhjaya, Tan Sri Azam Baki berkata, perkara itu tidak dihebahkan kepada umum, namun pihaknya telah melakukan siasatan lanjut mengenainya.

Beliau berkata, siasatan yang dilakukan antaranya membabitkan salah guna kuasa dalam agihan bantuan dan pakej rangsangan ekonomi.

"Siasatan turut dilakukan membabitkan penipuan berkaitan peralatan perlindungan perubatan yang dipalsukan (topeng muka, sarung tangan dan lain-lain) dari segi kuantiti dan kualiti peralatan perubatan yang lebih rendah.

"Kami turut menyiasat aktiviti rasuah membabitkan pegawai penguat kuasa dalam barisan pasukan penguat kuasa ketika Perintah Kawalan Pergerakan



AZAM BAKI

(PKP)," katanya ketika menyampaikan ucapan pada Forum Antirasuah Malaysia ke-3 (MACF), di sini semalam.

Katanya, ia sesuatu yang menyedihkan kerana dalam keadaan kecemasan dan pandemik masih ada perolehan dan pembelian peralatan perubatan yang terpalit

dengan rasuah.

Azam berkata, ia menunjukkan ada segelintir orang yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan mendapatkan wang haram daripada kesakitan dan penderitaan orang lain.

"Saya ingin memberi jaminan bahawa anggota penguat kuasa

SPRM terus bekerja sepanjang masa bagi memastikan rasuah disemak dengan baik di negara ini," katanya.

Katanya, Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan SPRM telah melaksanakan dua kertas nasihat untuk mengkaji sebarang percanggahan dalam sistem perolehan kecemasan yang berkaitan dengan langkah pencegahan Covid-19.

Jelasnya lagi, kajian itu membabitkan prosedur dan dasar membabitkan peruntukan perkhidmatan perubatan dan peralatan perlindungan, topeng muka, sarung tangan dan ventilator merentasi sektor awam di seluruh negara.

Sementara itu, mengulas mengenai skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Azam berkata, pihaknya masih berusaha mendapatkan semula aset 1MDB masih dilakukan dan ia belum lagi selesai.

Katanya, selain aset yang perlu dikembalikan semula, dalang yang terbabit dalam skandal kewangan itu juga perlu menerima hukuman setimpal atas jenayah yang dilakukan itu.

Utusan Malaysia | 25 May 2022 | Page 30

Enam kontraktor guna dokumen palsu didenda RM50,000 seorang

ALOR SETAR: Enam kontraktor didenda sebanyak RM50,000 setiap seorang oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam setelah mereka mengaku bersalah menggunakan dokumen palsu, bagi mendapatkan tender daripada sebuah syarikat pembersihan, tiga tahun lalu.

Hakim Harimi Thamri Mohamad turut memerintahkan kesemua tertuduh iaitu Zulhilmilmi Abdul Jabar, 43, Mohd. Yusrizal Ismail, 43, Muhammad Hairil Md. Ismail, 38,

Ranzi Halim, 51, Muhammad Amir Che Azid, 36, dan Badaruddin Mohamad, 40, menjalani hukuman penjara selama enam bulan jika gagal melunaskan denda tersebut.

Mengikut kertas pertuduhan, mereka didakwa dengan curangnya mengemukakan penyata akaun palsu enam syarikat berbeza bagi tempoh tiga bulan iaitu Oktober 2018, November 2018 dan Disember 2018, untuk mendapatkan tender dari Syarikat Environment Idaman (Kedah dan Perlis) Sdn. Bhd.

Tender tersebut berkaitan pen-swastaaan kutipan sisa pepejal dan pengurusan pembersihan awam di wilayah utara, dalam negeri ini.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu antara 1 Januari 2019 hingga 22 Januari di Pejabat E-Idaman Sdn. Bhd., dekat Bandar Baru Stargate, di sini.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rehab Abdul Shukur mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan.



ENAM kontraktor yang dituduh mengemukakan dokumen palsu bagi mendapatkan tender pembersihan diiringi pegawai SPRM di pekarangan Kompleks Mahkamah Alor Setar, Kedah. - UTUSAN/MOHD. RAFIE AZIMI

Utusan Malaysia | 27 May 2022 | Page 8

Dakwaan penyelewengan perolehan perkhidmatan kesihatan

Tiada perlakuan rasuah - SPRM

Oleh **MASZUREEN HADZMAN**
maszureen.hadzman@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai dakwaan penyelewengan membatalkan perolehan perkhidmatan kesihatan tidak membuktikan berlakunya perlakuan rasuah sebaliknya lebih kepada ketidakpatuhan prosedur perolehan keperluan berkenaan.

Satu sumber memberitahu *Utusan Malaysia*, dalam keadaan perintah darurat kesihatan ketika Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 2020 sehingga tahun lalu, perolehan peralatan kesihatan berkenaan memerlukan pembelian dengan kadar segera.

"Jadi, setakat ini, tiada asas berlakunya penyelewengan tetapi lebih kepada prosedur dan dasar perolehan," katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut kata sumber itu, siasatan menyeluruh telah dilakukan SPRM terhadap kedua-dua iaitu syarikat pembekal dan



HISHAMUDDIN HASHIM

Jabatan Perolehan yang terlibat sama ada terdapat 'komplot' berlakunya penyelewengan dari segi bekalan atau harga.

Jelas sumber itu, sepanjang tempoh berkenaan, kira-kira 21 aduan mengenai aktiviti penyelewengan rasuah membatalkan perolehan perkhidmatan kesihatan diterima SPRM sepanjang tempoh itu.

"Daripada jumlah aduan yang diterima, sebahagian besar didapati tidak membuktikan perlakuan rasuah," ujarnya.

Dalam pada itu, Pengarah Kanan Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim ketika dihubungi *Utusan Malaysia* mengesahkan perkara itu.

Jelas beliau, setiap aduan diterima SPRM, risikan dan siasatan mengenai perkara itu giat dilakukan SPRM dan ia berlanjutan hingga kini.

"Fokus siasatan dijalankan SPRM adalah menyeluruh termasuk perolehan bekalan peralatan kesihatan seperti pelitup muka, sarung tangan, ventilator sama ada melalui mengikuti tatacara yang telah ditetapkan atau tidak," katanya di sini semalam.

"Beberapa siasatan masih lagi diteliti dan diteruskan sebelum diserahkan kepada pejabat Timbalan Pendakwa Raya untuk tindakan selanjutnya," jelasnya.

Kelmarin, Ketua Pesuruhjaya, Tan Sri Azam Baki menerusi

ucapannya pada Forum Anti-rasuah Malaysia ke-3 (MACF) mendedahkan wujudnya aktiviti penyelewengan rasuah membatalkan perolehan perkhidmatan kesihatan.

Azam berkata, perkara itu tidak dihebahkan kepada umum, namun pihaknya telah melakukan siasatan lanjut mengenainya.

Beliau berkata, siasatan yang dilakukan antaranya membatalkan salah guna kuasa dalam agihan bantuan dan pakej rangsangan ekonomi.

Siasatan turut dilakukan membatalkan penipuan berkaitan peralatan perlindungan perubatan yang dipalsukan (topeng muka, sarung tangan dan lain-lain) dari segi kuantiti dan kualiti peralatan perubatan yang lebih rendah.

Azam turut memberitahu, Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan SPRM telah melaksanakan dua kertas nasihat untuk mengkaji sebarang percanggahan dalam sistem perolehan kecemasan yang berkaitan dengan langkah pencegahan Covid-19.

Utusan Malaysia | 28 May 2022 | Pg 8

SPRM masih siasat elemen rasuah perolehan kesihatan

Oleh MASZUREEN HADZMAN
maszureen.hadzman@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Meskipun sebahagian besar aduan mengenai aktiviti penyelewengan rasuah membabitkan perolehan peralatan perkhidmatan kesihatan tidak dapat dibuktikan namun tidak bermakna kes-kes itu terus ditutup.

Menjelaskan kepada *Utusan Malaysia*, satu sumber Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkata, beberapa siasatan yang melibatkan elemen rasuah masih diteliti dan diteruskan sebelum diserahkan kepada pejabat Timbalan Pendakwa Raya untuk tindakan selanjutnya.

Kata sumber itu, siasatan itu dilakukan sebaik menerima 21 aduan berhubung penyelewengan dalam isu perolehan peralatan berkaitan Covid-19 diterima SPRM.

"Tindakan yang diambil adalah dengan pembukaan kertas risikan dan kertas siasatan berhubung perkara itu melibatkan

Dakwaan penyelewengan perolehan perkhidmatan kesihatan

Tiada perlakuan rasuah - SPRM

SPRMAUTUSAN MALAYSIA
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menerima 21 aduan berhubung penyelewengan dalam isu perolehan peralatan berkaitan Covid-19. Namun, SPRM menegaskan bahawa tiada bukti yang cukup untuk membuktikan bahawa ada penyelewengan rasuah berlaku dalam proses perolehan peralatan kesihatan ini.



SPRM menegaskan bahawa tiada bukti yang cukup untuk membuktikan bahawa ada penyelewengan rasuah berlaku dalam proses perolehan peralatan kesihatan ini. SPRM juga menegaskan bahawa tiada bukti yang cukup untuk membuktikan bahawa ada penyelewengan rasuah berlaku dalam proses perolehan peralatan kesihatan ini.



kan beberapa agensi kerajaan, syarikat-syarikat pembekal dan orang perseorangan yang terlibat dalam perkara ini.

"Tindakan pemeriksaan dan khidmat nasihat telah diberikan kepada agensi-agensi terbabit," katanya di sini semalam.

Utusan Malaysia kelmarin melaporkan siasatan SPRM mengenai dakwaan penyelewengan membabitkan perolehan per-

khidmatan kesihatan tidak membuktikan berlakunya perlakuan rasuah sebaliknya lebih kepada ketidakpatuhan prosedur perolehan keperluan berkenaan.

Dalam tempoh perintah darurat kesihatan, perolehan peralatan kesihatan berkenaan memerlukan pembelian dengan kadar segera.

Bagaimanapun, siasatan menyeluruh dilakukan SPRM terha-

dap dua-dua pihak iaitu syarikat pembekal dan Jabatan Perolehan sama ada terdapat 'komplot' berlakunya penyelewengan dari segi bekalan atau harga.

Terdahulu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki menerusi ucapatama pada Forum Antirasuah Malaysia Ke-3 (MACF) ada Selasa lalu mendedahkan wujudnya aktiviti penyelewengan rasuah membabitkan perolehan perkhidmatan kesihatan.

Azam berkata, perkara itu tidak dihebahkan kepada umum, namun pihaknya telah melakukan siasatan lanjut mengenainya.

Kata Azam, siasatan yang dilakukan antaranya membabitkan salah guna kuasa dalam agihan bantuan dan pakej rangsangan ekonomi.

Siasatan turut dilakukan membabitkan penipuan berkaitan peralatan perlindungan perubatan yang dipalsukan (topeng muka, sarung tangan dan lain-lain) dari segi kuantiti dan kualiti peralatan perubatan yang lebih rendah.

Utusan Malaysia | 28 May 2022 | Pg 12

'Ulat jenazah': Dua pembantu kesihatan direman

SHAH ALAM: Keputusan terlibat dengan kerja 'ulat jenazah' menyebabkan dua pembantu kesihatan direman lima hari apabila dipercayai meminta rasuah bagi urusan berkaitan kerja-kerja pengurusan jenazah.

Mahkamah Majistret di sini membenarkan kedua-dua lelaki terbabit direman sehingga 31 Mei ini menerusi perintah dikeluarkan Majistret Nur Faizah Abdul Sani terhadap permohonan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Mereka yang berusia 40 tahun hingga 42 tahun itu dire-

man bagi membantu siasatan kes mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun serta denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan.

Kelmarin, mereka ditahan SPRM berhubung dakwaan meminta suapan kira-kira RM15,000 untuk melakukan kerja-kerja pengurusan mayat.

Kedua-dua suspek itu dilaporkan ditahan pada pukul 4.45 petang selepas hadir di pejabat SPRM Selangor untuk memberi keterangan.



MAHKAMAH membenarkan perintah reman lima hari terhadap dua pembantu kesihatan berhubung kes rasuah sebanyak RM15,000 di Shah Alam, Selangor. - UTUSAN / ZULFADHLI ZAKI

Utusan Malaysia | 28 May 2022 | Pg 9

Kontraktor terima 'balasan' lebih rendah

Oleh NORLIZAH ABAS
utusannews@mediamalaysia.com.my

KUALA LUMPUR: Mahkamah Sesyen di sini diberitahu, syarikat kontraktor yang menjalankan kajian kebolehlaksanaan projek terowong dasar laut dan jalan utama di Pulau Pinang, menerima 'balasan' yang jauh lebih rendah daripada kos kajian dikendalikannya.

Consortium Zenith Beijing Urban Construction Group Sdn. Bhd. (CZBUCG) menerima 'balasan' sekitar RM80 juta melibatkan pemberimilikan dua bidang tanah kerajaan beralamat di Lot 702 dan Lot 713 di Bandar Tanjung Pinang, masing-masing bernilai RM50 juta dan RM30 juta, manakala kos kajian yang dijalankan sekitar RM138 juta.

Perkara itu dinyatakan dua bekas pegawai Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Pulau Pinang ketika memberi keterangan pada perbicaraan kes rasuah bekas Ketua Menteri, Lim Guan Eng, se-



LIM GUAN
ENG

malam.

Zakariya Nayan, 55, dan Nurul Asshima Aminullah, 33, masing-masing sebagai saksi pendakwaan ke-25 dan ke-26 bertanggungjawab melakukan kerja penilaian ke atas kedua-dua hartanah berkenaan.

Dalam perbicaraan sebelum ini, bekas Exco Pulau Pinang Da-

tuk Lim Hock Seng, 73, berkata, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) negeri pada 11 Disember 2014 yang dipengerusikan Guan Eng meluluskan pemberimilikan lot 702 di Bandar Tanjung Pinang kepada CZBUCG.

Ujar Hock Seng, bayaran kos kajian kebolehlaksanaan bagi pro-

jek pembinaan tiga jalan utama di Pulau Pinang tidak dijelaskan kepada kontraktor secara tunai, sebaliknya dibuat melalui pemin-dahan dua lot tanah milik kerajaan negeri.

Hock Seng berkata, beliau mengetahui bahawa Lot 702 itu kemudian ditambah untuk mem-bangunkan projek City of Dreams terletak di Tanjung Tokong.

Pada prosiding semalam, kedua-dua saksi bersetuju dengan ca-dangan pihak pembelaan bahawa kerajaan negeri mendapat manfaat besar dan tidak mengalami seba-rang kerugian melalui pemberimi-likan tanah-tanah itu.

Sebelum itu, peguam Haijan Omar yang mewakili Guan Eng mencadangkan nilai dua lot tanah yang diberi kepada CZBUCG seba-gai 'balasan' kerja berkaitan adalah lebih rendah daripada kos kerja ka-jian kebolehlaksanaan projek.

Zakariya yang kini pegawai penilaian di Jabatan Insolvensi berkata, pada Disember 2014, be-

liau menerima permohonan bagi menilai Lot 702 untuk diberi mi-lik kepada Ewein Zenith Sdn. Bhd. untuk pembangunan kediaman dan perniagaan.

Ujarnya, hasil penilaian yang dijalankan, harga bagi pegangan kekal berkeluasan 14,863 me-ter persegi adalah pada kadar RM3,360 meter persegi manakala nilai pasaran ialah RM50,000.

Sementara itu, Nurul Asshima berkata, beliau menerima permo-honan penilaian hartanah bagi Lot 713 pada November 2016 dan men-dapati nilai lot berkenaan adalah kurang daripada RM73 juta yang dibelanjakan pemaaju untuk projek itu.

Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Akram Gharib ketika sesi pemeriksaan semula berkata, kedua-duanya tidak mengetahui bentuk projek yang dilaksanakan oleh syarikat berkenaan.

Perbicaraan di hadapan Hakim Azura Alwi bersambung 7 Jun ini.

Utusan Malaysia | 30 May 2022 | Page 1, 2

Projek MRT, LRT disiasat?

SPRM
siasat dakwaan
rasuah projek
awam
Prasarana

Oleh MASZUREEN HADZMAN
maszureen.hadzman@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Senarai beberapa nama individu kenamaan dan syarikat berkepentingan sudah berada dalam radar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

selepas didakwa menerima rasuah bagi menjayakan projek-projek awam.

Ia selepas pihak berkuasa Perancis menerima dakwaan serius membabitkan tiga syarikat kejuruteraan yang menjalankan projek Klang Valley Mass Rapid Transport (KVM-

RT) melakukan penipuan dan rasuah.

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, satu sumber berkata, susulan itu, SPRM kini meneliti secara menyeluruh meliputi tiga skop iaitu projek Transit Aliran Ringan (LRT) di sebuah lokasi, projek Transit

Aliran Massa (MRT) dan Aliran Transit Ringan (LRT) 3.

Ketiga-tiga projek mega itu membabitkan nilai RM30 bilion dalam tempoh sejak 2011 sehingga kini.

Bersambung di muka 2

Utusan Malaysia | 31 May 2022 | Page 1, 3

CEO, pengurusan tertinggi disyaki dapat habuan daripada projek KVMRT RM54j satu projek

Oleh MASZUREEN HADZMAN
maszureen.hadzman@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Tiga syarikat kejuruteraan yang disiasat dalam penipuan dan rasuah melibatkan projek Klang Valley Mass Rapid Transport (KVMRT) dipercayai membayar RM54 juta kepada individu tertentu.

Jumlah yang diterima berke-

naan adalah balasan bagi satu projek yang diterima.

Sumber mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, bayaran itu didakwa dibuat kepada salah seorang ketua pegawai eksekutif syarikat yang melaksanakan projek-projek kepentingan awam dan beberapa pengurusan tertinggi.

"Ia sebagai balasan bagi

mendapatkan projek-projek berkaitan Transit Aliran Ringan (LRT) di sebuah lokasi dan projek Transit Aliran Massa (MRT).

"Difahamkan, nilai suapan bagi setiap projek masih diteliti SPRM ketika ini dengan hasil pertukaran maklumat dengan pihak berkuasa Perancis," katanya di sini, semalam.

Utusan Malaysia semalam mendedahkan senarai beberapa individu kenamaan dan syarikat berkepentingan sedang disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berikutan amalan rasuah bagi menjayakan projek-projek awam.

Bersambung di muka 3

Pengarah syarikat didakwa tipu RM7.3 juta

KUANTAN: Seorang pengarah syarikat didakwa di Mahkamah Sesyen Kuantan di sini atas pertuduhan menipu sebuah syarikat pembuatan besi yang memabitkan pembayaran kira-kira RM7.3 juta, tiga tahun lalu.

Bagaimanapun tertuduh, Teh Teng Cheng, 52, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd. Zain.

Tertuduh didakwa menipu dan memperdaya Alliance Steel (M) Sdn. Bhd. dengan cara mengemukakan manual perubahan akaun penerimaan pembayaran projek.

Dalam pada itu, tertuduh turut mendorong syarikat itu melakukan bayaran ke dalam akaun syarikat milik tertuduh iaitu Sureland Industrial Fire Safety (M) Sdn. Bhd. dengan jumlah sebanyak RM7.3 juta.

Tertuduh melakukan kesalahan tersebut di Alliance Steel di kawasan Industri Malaysia-



TEH Teng Cheng (kiri) dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Kuantan selepas mengaku tidak bersalah memperdaya kilang pembuatan besi, di Gebeng, Kuantan, Pahang. - UTUSAN/DIANA SURYA ABD WAHAB

China Kuantan (MCKIP), Jalan Gebeng By Pass, di sini, 28 Jun 2019.

Dengan itu, tertuduh didak-

wa mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 ta-

hun, sebat dan denda jika sabit kesalahan.

Pendakwaan kes tersebut dilakukan Timbalan Pendakwaraya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Siti Sarah Zainal Abidin.

Ketika prosiding berlangsung, Siti Sarah menawarkan ikat jamin sebanyak RM2 juta dengan seorang penjamin dan jaminan yang ditawarkan adalah munasabah serta tidak keterlaluan jika berdasarkan pertuduhan.

Sementara itu, Teng Cheng diwakili peguam Shahrullah Khan Nawab Zadah Khan memohon mengurangkan kadar jamin atas alasan masih menyara tiga anak bersekolah dan seorang ibu yang uzur.

Selain itu, Shahrullah Khan turut memohon mahkamah mengurangkan jaminan kerana tertuduh banyak memberi kerjasama baik sepanjang siasatan dilakukan oleh SPRM sejak November tahun lalu.